

D174

U B442 AAB
MAHATHIR - DADAH

KUALA LUMPUR, 25 JAN (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN MENGAJI AKTA DADAH BERBAHAYA (LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN KHAS) BAGI MEMPERKEMASKAN +MASALAH PENTADBIRAN+BERHUBUNGPRELAKSANAANNYA, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

KERAJAAN BERSEDIA MEMPERBETULKAN JIKA ADA PERKARA YANG SECARA PENTADBIRANNYA TERSILAP TANPA NIAT TIDAK BAIK, KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG DWI-TAHUNAN PERSATUAN KEBANGSAAN PEKEBUN-PEKEBUN KECIL MALAYSIA (PKPKM) DI SINI HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI, MENGULAS MENGENAI TINDAKAN RAMAI TAHANAN YANG MEMOHON HABEAS CORPUS DI MAHKAMAH DAN DIBEBASKAN SETELAH MAHKAMAH MENGISYTIHARKAN PERINTAH PENAHANAN MEREKA SEBACAI BATAL DAN TIDAK SAH EKORAN PERINTAH TAHANAN YANG DITANDATANGANI OLEH MENTERI DALAM NEGERI BERBEZA DARIPADA TARIKH BERKUATKUASANYA PENAHANAN.

MENURUTNYA, KESILAPAN YANG MUNGKIN BERLAKU ADALAH TIDAK DISENCAJAKAN DAN PERLAKSANAAN AKTA ITU DIBUAT TANPA NIAT YANG TIDAK BAIK.

+JIKA BERLAKU KESILAPAN SEPERTI TARIKH ATAU APA-APA PERKARA KECIL LAIN SEPERTI TEHPAT TAHANAN MISALNYA, INI SEMUA BOLEH DIJADIKAN ASAS UNTUK HABEAS CORPUS. -- LAGI.

1424MST 25 01 89

D175

U B443 AAB
MAHATHIR - DADAH 2 KUALA LUMPUR

+KADANGKALA KESILAPAN KECIL YANG BERLAKU DALAM URUSAN PENTADBIRANINI NAMPAKNYA BOLEH DIGUNAKAN UNTUK MELEPASKAN SESEORANG DARIPADA TINDAKAN UNDANG-UNDANG,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, DALAM KEADAAN INI APA YANG PERLU DIBUAT IALAH BAGI KERAJAAN MEMPERKEMASKAN JENTERANYA SUPAYA TIDAK BERLAKU KESILAPAN YANG SERUPA.

BELIAU BAGAIMANAPUN ENGGAN MENYATAKAN SAMA ADA KERAJAAN AKAN MENYEDIAKAN PERINTAH BARU BAGI; PENAHANAN SEMULA MEREKA YANG BERKENAAN.

MENGENAI ISU DAKWAAN.KONONNYA SESETENGAH PEGAWAI KANAN PENJARA MENERIMA SOGOKAN PEREMPUAN DAN WANG DARIPADA BANDUAN YANG MELARIKAN CIRI ATAU YANG MENDAPAT LAYANAN ISTIMEWA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PERKARA ITU TELAH DITIMBULKAN PADA PERTEMUAN MINGGUAN BELIAU DENGAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN DALAM NEGERI, DATUK WAN SIDEK ABDUL RAHMAN.

KATANYA, BELIAU SETAKAT INI TIDAK MENGADAKAN PERTEMUAN DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI PENJARA MENGENAI PERKARA ITU. -- LAGI.

1426MST 25 01 89

0176

U 8444 AAB
MAHATHIR - DADAH 3 KUALA LUMPUR

DAKWAAN MENGENAI PENYELEWENGAN SEDEMIKIAN DI KALANGAN PEGAWAL PENJARA DIBUAT OLEH BEKAS PEMANGKU PENGARAH PENJARA PULAUPINANG, HAJI ZAINAL ABIDIN MOHAMED NOOR BARU-BARU INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN AKAN MENELITI DAKWAAN ITU SECARA KESELURUHANNYA DAN JIKA BENAR SATU SIASATAN LANJUT AKAN DIJALANKAN.

SEKIRANYA PERLU, HAJI ZAINAL ABIDIN AKAN DIMINTA MEMBERI KETERANGAN, TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU TIDAK MENOLAK KEMUNGKINAN PERKARASEDEMIKIAN-BERLAKUSEMATA-MATA KERANA TIADA MAKLUMAT YANG SAH.

JIKA KES SEPERTI ABDULLAH ANG (YANG MENDAPAT LAYANAN ISTIMEWA) BOLEH BERLAKU DI PENJARA, PERKARA YANG LAIN JUGAMUNGKINBERLAKU, KATANYA. -- BERNAMA.

1427MST 25 01 89